

PM mahu MDC jalin rangkaian dengan syarikat multinasional

05/05/04 ms & um

CYBERJAYA 24 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menjalin rangkaian komunikasi yang lebih kukuh dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC) untuk terus menggerakkan daya saing Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pusat perkhidmatan dan pemerolehan sumber luar global.

Perdana Menteri percaya langkah itu akan membolehkan kerajaan memperoleh maklum balas dan pandangan-pandangan berguna untuk dilaksanakan bagi memperbaiki perkhidmatan, infrastruktur atau dasar-dasar sedia ada.

Beliau menarik perhatian, bahawa kedudukan Malaysia sebagai destinasi bagi aktiviti perkhidmatan dan pemerolehan sumber luar ketiga menarik di dunia selepas India dan China berdasarkan kaji selidik firma perunding yang berpangkalan di Amerika Syarikat, jelas memperakui sambungan besar MSC dan ia perlu dikembangkan.

“Saya diberitahu bahawa industri perkhidmatan dan pemerolehan sumber luar yang dikongsi di Malaysia telah mengumpul pelaburan lebih RM1 bilion dan mewujudkan hampir 7,000 peluang kerja. Ini menjadikannya satu daripada sektor terbesar di MSC buat masa ini.

“Kerajaan menyambut baik pertumbuhan pusat-pusat perkhidmatan ini bukan sahaja sebagai sumber pendapatan dan pekerjaan, tetapi juga sebagai sumber faedah lain yang sama penting iaitu pemindahan kepakaran dan kecakapan kepada pekerja mahir tempatan selain memberi pendedahan kepada amalan antarabangsa,” katanya.

Terbesar

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan premis baru Pusat Pemrosesan Data Elektronik HSBC (M) Sdn. Bhd., di sini hari ini, iaitu pusat perkhidmatan kelima dan yang terbesar bagi Kumpulan HSBC.

Premis sementara yang terletak bertentangan dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Julai tahun lalu.

Bagi Abdullah, komitmen kerajaan dalam menyediakan teknologi infrastruktur yang terbaik di MSC disokong oleh undang-undang siber, pelbagai insentif termasuk kewangan, dasar yang strategik di samping pekerja mahir berpengetahuan menjadi faktor yang menarik syarikat-syarikat besar termasuk HSBC.

“Untuk mengekalkan momentum ini, MDC bekerjasama rapat dengan

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), akan terus mempromosikan MSC sebagai destinasi utama syarikat-syarikat yang mahu mewujudkan perkhidmatan itu dan yang mempunyai nilai tambah tinggi.

“Langkah-langkah khusus telah diperkenalkan bagi memperbaiki keupayaan industri tempatan, dengan mengurangkan kos latihan pekerja berasaskan pengetahuan dan meningkatkan kapasiti teknikal pembekal perisian.

“Dalam jangka panjang, kita akan membangunkan kecakapan perkhidmatan baru agar sepadan dengan kekuatan utama kita seperti pusat hubungan pelbagai bahasa, kewangan Islam dan penyelidikan bioteknologi,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sendiri akan memainkan peranan dengan mengurangkan kos perniagaan dalam negara dengan memperbaiki sistem penyampaian sektor awam.

Beliau percaya, industri perkhidmatan dan pemerolehan sumber luar yang dikongsi akan memberi manfaat kepada Malaysia dengan menjadi katalis kepada penubuhan syarikat tempatan yang berkemampuan dan berdaya saing di peringkat global.